



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 12/2020

FAHAMILAH KONSEP HIJRAH RASULULLAH MELALUI SUMBER YANG MUKTABAR

1. Firman Allah SWT dalam surah at- Taubah ayat 20:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: "Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta dan diri mereka adalah lebih tinggi darjat) iaitu kedudukan (di sisi Allah) daripada orang-orang selain mereka (dan itulah orang-orang yang memperoleh kebaikan)".

2. Ketika termeterai perjanjian Aqabah di antara penduduk Yathrib dan Rasulullah SAW, penduduk Yathrib telah bersetuju untuk melantik baginda SAW sebagai pemimpin mereka. Rasulullah SAW menerima pelawaan penduduk Yathrib dengan Baginda menunggu persetujuan wahyu Allah SWT untuk berhijrah ke Yathrib.
3. Terdapat perbezaan yang nyata antara istilah hijrah dan pelarian. Hijrah Nabi SAW dari Mekah ke Madinah adalah strategi mengukuhkan kedudukan dan kedaulatan Islam melalui medium politik yang bersumberkan wahyu. Maka hijrah tersebut **menghasilkan kemuliaan** kepada agama Islam dengan Islam bertapak kukuh memimpin penduduk di semenanjung tanah Hijjaz. Hal ini bertepatan dengan pendapat Ibnu Abbas RA ketika mana menafsirkan ayat al-Quran "kamu adalah sebaik-baik umat", ayat ini diturunkan kepada mereka yang berhijrah bersama Nabi SAW dari Mekah ke Madinah. (Jami' al-Bayan oleh Imam At-Tabari)

Manakala istilah pelarian adalah mangsa perang atau mangsa kerakusan penguasa yang **melucutkan kemuliaan** dan hak-hak sebagai warganegara kepada mereka walaupun sudah berjaya menempatkan diri ke mana-mana negara yang bersimpati dengan mereka.

4. Berdasarkan penilaian saya, pemahaman dan pernyataan yang mengaitkan hijrah Rasulullah SAW sebagai pelarian adalah amat mengelirukan kerana bercanggah dengan al-Quran, as-Sunnah dan pandangan ulama muktabar. Memahami dan mendalami agama Islam hendaklah melalui susur galur ulama dan kitab-kitab yang muktabar bukannya divedok dari barat yang dihidangkan oleh para legasi orientalis.
5. Adalah sangat membimbangkan pemahaman seperti ini boleh menimbulkan persepsi negatif dan tidak sihat di kalangan umat Islam, dan menyemarakkan sikap Islamofobia di kalangan bukan Islam. Kenyataan ini juga boleh merendahkan kedudukan Islam serta menyamakan darjat Rasulullah dan para sahabat sama seperti pelarian yang lain.
6. Firman Allah SWT dalam Surah as-Syarah ayat 4:

وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ

Maksudnya: "Dan kami telah meninggikan sebutan namamu (Muhammad dengan menyertakan nama baginda SAW dengan nama Allah)."

Saya menyeru seluruh umat Islam untuk memahami dan meneliti maksud ayat di atas demi memelihara kesucian dan keagungan agama Islam yang sentiasa memuliakan Rasulullah dalam setiap keadaan iaitu ketika lafaz syahadah, khutbah, azan, iqamah dan sebagainya yang sentiasa meninggikan martabat dan darjat Rasulullah SAW sebagai sebaik-baik makhluk di alam ini.



Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

8 Zulhijjah 1441H (Rabu)
29 Julai 2020M